

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA,
PROF MADYA DR SAUNAH ZAINON,
REKTOR, UiTM CAWANGAN JOHOR**

**SEMPENA
PROGRAM AMANAT REKTOR
UiTM CAWANGAN JOHOR 2024**

**PADA:
22 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)**

Terima kasih saudara pengacara majlis yang baik budi,

Berbaju batik cantik sekali.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam UiTM Dihatiku,

Salam Maju Johor

Salam Malaysia Madani.

Yang Dihormati

Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Johor

Profesor Madya Dr Akmal Aini Binti Othman

Timbalan Rektor (Akademik)

Dr Basaruddin Shah Bin Basri

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)

Dr Faridah Najuna Binti Misman

Timbalan Rektor (Penyelidikan Dan Jaringan Industri)

Dr Siti Khadijah Binti Alias

Penolong Rektor Kampus Pasir Gudang

Encik Mohamad Faizul Bin Mohd Ruslan

Timbalan Pendaftar Kanan

Encik Mohammed Affendy Bin Mansor

Timbalan Bendahari

Ts. Ahmad Shahrizan Bin Mohamed Esman
Timbalan Pengarah (Pengurusan Fasiliti)

Puan Mawar Noor Binti Abdullah
Timbalan Ketua Pustakawan

Ketua-Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Program, Ketua-Ketua Bahagian, Ketua-ketua Unit,

Tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari,

Dan anak-anak pelajar UiTM Cawangan Johor yang budiman sekalian.

SLIDES 1: PENDAHULUAN

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat jua kita berkumpul pada hari ini secara fizikal mahupun maya di **Youtube** Rasmi UiTM Johor melalui **Program Amanat Rektor 2024**.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak urusetia yang memastikan program pada hari ini berlangsung dengan jayanya.

Selamat datang warga kampus Segamat dan kampus Pasir Gudang yang berada dalam talian. Pertemuan yang sangat bermakna untuk kita bersama-sama meneliti dan bergerak seiring mendepani tahun 2024 yang saya kira lebih mencabar dan mendebarkan.

Namun **kita harus optimis dan berfikiran positif bahawa tahun ini insyaAllah lebih banyak rangkulan kegemilangan akan kita dapak**

bersama, kita cuba rungaikan setiap permasalahan dengan benang-benang kesabaran. Walaupun tipis, jika ikatannya kuat dan disulamkan dengan warna-warni kehidupan (pedoman dari peristiwa yang lepas) insyaAllah masalah itu mampu mencipta pelbagai peluang buat warga UiTM Johor.

Tidak terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2024 dan doa saya **semoga Allah kurniakan ketenangan, kejayaan, kegemilangan, kekuatan dan kesabaran buat UiTM Johor dan warga seisinya mendepani tahun ini.** InsyaAllah semoga dipermudahkan.

Saya petik **PASAL KELIMA** daripada **Gurindam Dua Belas Karya Raja Ali Haji** seorang ulama, ahli sejarah serta pujangga Bugis-Melayu dari negara jiran kita Indonesia kerana saya fikirkan kesemua kandungannya sarat dengan nasihat tentang kehidupan untuk saya kongsi. Kata beliau;

**Jika hendak mengenal orang berbangsa,
lihat kepada budi dan bahasa.**

**Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,
sangat memeliharakan yang sia-sia.**

**Jika hendak mengenal orang yang mulia,
lihatlah kepada kelakuan dia.**

**Jika hendak mengenal orang yang berilmu,
bertanya dan belajar tiadalah jemu.**

**Jika hendak mengenal orang yang berakal,
di dalam dunia mengambil bekal.**

**Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,
lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.**

Warga UiTM Johor yang saya kasihi,

Gurindam ini walau tidak kena dengan lenggok penyampaiannya atau cara alunan yang saya bacakan kerana saya bukanlah orang yang ahli dalam bidang ini. Tetapi maksudnya sangat dalam untuk kita jadikan pedoman.

Dalam keterbatasan kita menjalani kehidupan seharian dan memenuhi tuntutan sebagai hamba kepada pencipta, kadangkala kita lupa, kita hidup ditengah-tengah jutaan manusia yang sama seperti kita cuba sehabis baik untuk menyeimbangkan segala-galanya. Ada yang berjaya dan tidak kurang yang kecundang. Jadi pedoman dan hala tuju perlu seiring dalam mencapai kejayaan yang dirancang. Oleh itu, **setiap bait yang terkandung dalam gurindam tadi kajilah dan ambillah ibrahnya agar hidup kita sentiasa dicalit dengan nasihat yang berguna sebagai pegangan.**

Nasihat saya, jangan cepat putus asa dalam hidup, disaat anda semua hilang semangat untuk berusaha, fikirkan semula kenapa kita memulakan usaha tersebut.

Anda semua adalah aset yang sangat UiTM hargai dan saya secara peribadi mengucapkan jutaan terima kasih atas semangat juang anda melakar sejarah, menjunjung nama keramat UiTM Johor ke persada sepanjang tahun 2023. Banyak kejayaan yang kita lakar seiring dengan beberapa isu yang terpalit yang membawa imej yang kurang senang untuk dipertontonkan kepada umum.

Usah difikirkan apa yang terjadi, kita harus ke hadapan, belajar dari kesilapan dan teruskan berjuang.

SLIDES NO 2

Penyampaian amanat saya pada tahun ini, saya ingin mulakan dengan mengambil ibrah dari petikan ayat ke 36 Surah Al-Qiyamah yang berbunyi (saya bacakan terjemahanya);

“Apakah manusia mengira bahwa ia akan dibiarkan begitu sahaja (tanpa pertanggungjawaban)?”

Dalam Tafsir Al-Madinah Al-Munawwarah ‘menjelaskan bahawa manusia yang kafir itu mengira diciptakan untuk hal yang sia-sia, tanpa ada kebangkitan atas amal perbuatannya; **sungguh** itu merupakan prasangka yang batil. Dan bukti adanya hari kebangkitan disebut dalam ayat-ayat selanjutnya’.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita hidup di dunia ini, segala amalan yang kita kumpulkan untuk bekalan ke alam sana, sangatlah bernilai. Hidup kita telah dilandaskan dengan cantik susunannya oleh Allah SWT dan bagi warga yang bukan muslim tentunya agama anda telah jelas menghuraikan mengenai ‘tanggungjawab’ kita sebagai manusia.

Dalam konteks kita sebagai seorang pekerja, warga UiTM Johor, segala yang anda laksanakan dengan baik dan menurut landasan yang tepat, insyaAllah akan dimuliakan olehNya, sekiranya kita tergelincir kembalilah ke jalan yang benar, perbaiki dan usaha untuk berubah. Berpesan-pesanlah sesama kita kerana sepotong ayat ini sangat jelas untuk menghuraikan tentang sikap tanggungjawab tidak kiralah dibidang apapun kita.

SLIDE NO 3,

Hadirin sekalian,

Bagi merancang pembangunan serta perkembangan warga kampus, saya tentunya akan meneliti kesemua perkara yang telah digariskan dan bagaimana hala tuju sektor pendidikan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi mahupun UiTM secara keseluruhannya.

SLIDE NO 4

Suka saya ingatkan warga tentang beberapa perkara yang akan melatari perkembangan kampus kita. Sepuluh (10) lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) harus diteliti seiring dengan usaha kita melahirkan modal insan terbaik dalam memacu aspirasi pembangunan negara. Walaupun tempoh PPPM tinggal lagi setahun pelaksanaannya dan telah banyak kejayaan dikecapi dalam tempoh ini.

SLIDE 5

Namun, **cabaran dunia pendidikan** kini jauh berbeza berbanding tahun pertama pelaksanaannya iaitu tahun 2013. Kepantasan perubahan teknologi setanding dengan kepesatan sektor ekonomi negara telah merubah corak tumbuh generasi yang kita lahirkan kini. Justeru, saya menyeru warga UiTM Johor untuk bergerak seiring dengan perubahan, **transformasi pendidikan yang komprehensif perlu dilaksanakan bagi memenuhi permintaan baharu.**

Cuma pesan saya letaklah nilai ditempat yang tepat, asuh dan olahlah generasi kita kini, biarlah kaya dengan adabnya dan tentu kejayaan yang bakal dirangkul, insyaAllah. Apa yang boleh dicerminkan melalui

pelaksanaan PPPM kecekalan dan inovasi mampan boleh menjadi ikutan dalam mengatasi bentuk rintangan dan halangan.

SLIDE 6

Hadirin sekalian,

Yang Berhormat Dato Seri Diraja Dr Zambry Abd. Kadir dalam ucapannya telah menekankan **anjakan 4 saranan, 5 fokus utama dengan 20 landasan hala tuju KPT 2024**. Semua fokus ini dilaksanakan bagi menjamin **keberhasilan PPPM 2013-2025** dan **Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023-2025**.

Saya petik satu sahaja daripada 20 landasan yang terpapar dilayar iaitu **Landasan Pertama: Esensi utama pendidikan adalah tentang pembentukan 'otak' dan 'watak'**. Tunjang melahirkan mahasiswa cemerlang dan terpuji terletak kepada pembinaan asasnya. Usaha KPT ini adalah signifikan dalam membentuk generasi Malaysia MADANI yang mempunyai kebolehan serta pemikiran yang berkualiti. Cemerlang dengan jiwa yang kental, bukannya cemerlang tetapi jiwanya kosong. Saya ambil falsafah hidup dari Buya Hamka, **"Orang berakal hidup untuk masyarakatnya, bukan buat dirinya sendiri"**. Bagi menggapai ke langit, eloklah kita semua tanam dan bajai generasi kita pada hari ini dengan asas yang kukuh.

SLIDE 7 DAN 8

Berlandaskan halatuju dan fokus utama KPT ini, UiTM telah memetakan 3 teras strategik dalam 9 tema strategik yang bakal dilaksanakan kelak.

SLIDE 9

Teras strategik UiTM 2025 adalah berasaskan **pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai**. Kesemua input ini akan digembleng bagi memastikan anjakan terlaksana dalam membina kemenjadian insan. UiTM telah merancang beberapa inisiatif menerusi *Vice-Chancellor's Special Project (VCSP)* dan **15 aktiviti di bawah Pejabat Pengarah Peneraju UiTM dalam Perancangan Strategik UiTM 2024**.

SLIDE 10

Hadirin sekalian,

**Pucuk kemiri dimakan ulat,
Banyaklah sudah jatuh ke tanah,
Buruk negeri lupakan adat,
Akhlak rendah runtuhnya maruah.**

Pantun ini saya petik dari Khazanah Pantun Melayu Riau, DBP 2007. Jelas salah satu asas pembinaan negara bangsa bergantung kepada akhlaknya. YB Menteri KPT menyeru **anjakan dilakukan dalam membina kemenjadian tradisi intelektual baru. Korpus ilmu harus didasari dengan disiplin dan kebitaraan institusi melalui penghasilan, penjilidan dan penerbitan yang setara**.

SLIDE 11

Sebagai orang yang ahli dalam bidang pendidikan, susunan ilmu perlu diselaraskan agar kewujudan kumpulan bakat yang seterusnya bertumbuh dengan mekar membentuk bangsa yang MADANI.

SLIDE 12

Kata Abdullah Ibnu Abbas; **“Ilmu itu dimiliki dengan lidah yang banyak bertanya dan akal yang gemar berfikir”**. Melazimi budaya ilmu, budaya wacana, meraikan kebebasan akademik, kemerdekaan berfikir dan berekspresi antara kesiapsiagaan yang dituntut bagi warga dalam bidang pendidikan ini. Prinsip dan nilai integriti perlulah kukuh, walaupun cabarannya melelahkan, tetapi percayalah outputnya akan melakar sejarah insyaAllah. Kata Imam Al-Ghazali; **“untuk mendapatkan apa yang kamu suka, pertama kamu mesti sabar dengan apa yang kamu benci”**.

SLIDE 13

Melalui amanat Dato Naib Canselor 2024 pada 9 february yang lepas, pemetaan tema dan strategik UiTM telah dimurnikan dengan landasan KPT.

SLIDE 14

Tema UiTM yang bakal dipegang sehingga tahun 2025 ialah **“Globally Renowned, Locally Rooted”**. Gah di Mata Dunia, Bertunjangkan Identiti Tempatan. Ibarat kita terus mengakar ke tanah walau dijulang dengan beribu kejayaan. Ikutlah resmi padi; **‘makin berisi makin tunduk’**, jangan pula bawa resmi jagung; **‘makin berisi makin jegang’**. Makin gah di mata dunia, makin banyak sumbangannya kepada agama, bangsa dan negara. Komuniti dijaga rapi bagi membentuk sinergi yang jitu. Semoga usaha ini dipermudahkan.

SLIDE 15

Warga UiTM Johor yang saya kasihi,

Kata Imam Syafi'i "**Aku lebih menghargai orang yang beradab daripada berilmu. Kalau hanya berilmu, iblis pun lebih tinggi ilmunya daripada manusia**". Nilai adab itu tinggi letaknya. Jika satu bangsa berbudaya bahawa '**adab dulu sebelum ilmu**' saya percaya ke langit manapun anda pergi, maka ke tanah yang samala anda akan mengakar. Justeru, dalam kita mengejar modenisasi, jangan dilupa asal usul kita, adab dan budaya kita, kecintaan kita kepada tanah tumpah darah ini. Ajarlah generasi kita dengan adab-adab yang tertib, santun budi bahasanya dan sopan gerak lenggoknya.

SLIDES 16

Saya petik sedikit ucapan Dato' NC dalam amanat beliau. Dato' NC mengariskan **Prinsip 9R**. Dilayar dilampirkan Prinsip 9R yang perlu kita warga UiTM Johor pegang rapi. **Kelestarian indentiti kita adalah bagi memastikan institusi kebanggaan kita ini terus memajukan anak Melayu dan Bumiputera di tanah air ini**. Justeru saya menyeru semua warga untuk amati, dalami dan kajilah prinsip ini agar setiap agenda yang dilaksanakan berpaksikan nilai yang murni dalam mencapai **GRU2025**. Ingatlah kita mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai **pemangkin perubahan sosial** sektor pendidikan.

SLIDES 17

Enam tonggak ataupun '**pillars**' telah digariskan oleh mantan Dato' NC dalam mencapai **UiTM Globally Respected 2024** dengan bertemakan **Kebolehpasaran Global**. Alhamdulillah usaha ini dilihat telah membawa

pelbagai kejayaan. Ayuh kita teruskan usaha dengan bersemangat agar **GRU2025** yang hanya tinggal setahun sahaja lagi dapat kita kecapai bersama.

SLIDES 18

Tuan-tuan dan puan-puan,

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah membawa konsep Malaysia Madani yang dicerakin sebagai falsafah dan dasar dalam membina Malaysia yang lebih bersatu padu, sedia menerima perubahan, lebih maju dan makmur. Merangkumi enam rukun iaitu **M** (Kemampanan), **A** (Kesejahteraan), **D** (Daya Cipta), **A** (Hormat), **N** (Keyakinan) dan **I** (Ihsan).

Begitu juga dengan UiTM. Tafsiran nilai seumpama keenam-enam rukun ini juga telah diterapkan dalam diri setiap warga UiTM melalui **ESI (Excellence, Synergy, Integrity)** dan **i-DART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab)**. Bertumbuhnya UiTM dengan nilai yang berkualiti mampu menzahirkan apa yang kita mahu iaitu **UiTM Globally Respected 2024**. Buat warga UiTM Johor teruskan sinergi yang jitu didasari nilai yang berkualiti bagi mencapai UiTM2025.

SLIDES 19

Dato' NC juga dalam ucapannya turut membawa harapan untuk mewujudkan pembitaraan adiwangsa. Hebatnya sesebuah adiwangsa cukup untuk saya katakan asasnya adalah ilmu dan adab. Terdapat 3 aspirasi yang dibawa iaitu pelan pengantian bakat (talent retention), pembudayaan ilmu-UiTM sebagai organisasi pembelajaran (Learning Organisation) dan Kejayaan yang bertanggung. Kesemua aspirasi ini

dirangkumkan bagi membentuk warga UiTM yang peka, sentiasa berinspirasi untuk memajukan diri, berusaha menyumbang tenaga serta idea sekaligus membentuk budaya ilmu yang gemilang. Aspirasi ini juga meliputi setiap lapisan warga, tidak kiralah anda di bahagian bakat akademik mahupun bukan akademik.

SLIDES 20

Bertitik tolak dari kesemua landasan dasar oleh KPT dan UiTM, saya mulakan penyampaian amanat khusus buat warga UiTM Johor yang saya kasihi sekalian.

SLIDES 21

Hadirin sekalian,

Kalau saya buat jahat,
Sapalah saya bersama nasihat.

Petik melati di rumah mak minah,
Lupa bagi **salam**, terkejut mak minah.

Berdikit-dikit, lama-lama jadi bukit,
Usahlah masam **senyum**lah sedikit.

Sapa dan **senyum** dipraktik sehati
Salam dihulur seikhlas hati.

Dalam amanat saya pada tahun lepas konsep 3'S ini telah saya terangkan dengan jelas, malahan dalam Program Tri-Bulanan *Saunah's Sharing*

Session (3'S) juga saya telah ulang kembali. Sekali lagi tahun ini, saya mohon warga untuk kita sama-sama amalkan konsep 3'S ini. Mulakan azam baru dengan wujudkan suasana harmoni dan positif waima dengan sekecil senyuman. ***'A smile a day keeps the pain away'. One smile can't change the world, but yours smile can change mine.*** Jadi senyumlah, sapaalah rakan-rakan anda disekeliling, bertanya khabar berita dan ambil tahu apa yang perlu. Bukan kita bersifat penyibuk, tetapi sebenarnya nak elak mata berhabuk. Takut nanti rakan yang kita sayangi duduknya sekaki, jauhnya nun di hujung hati. Mulai hari ini sapaalah dengan salam, agar prasangka buruk dibuang tepi, hati yang jauh dekat kembali. InsyaAllah bertaut, aman dan bersemi.

SLIDES 22

Berada ditakuk yang lama bukanlah perkara yang tidak baik. Pengalaman dan usaha kita selama ini UiTM Johor tidak pernah pandang sepi. Semuanya diambil kira, dirangkum dan diolah agar pembentukan warga UiTM Johor seiring dengan kemajuan negara. Namun, mendepani sektor pendidikan kini cabarannya pada saya sebagai peneraju amat melelahkan.

Letih nak hadap perangai manusia yang pelbagai. Itu kata yang negatifnya, jika kita tukarkan sedikit kepada pendekatan yang lebih positif, begini bunyinya. Perangai manusia yang pelbagai ini akan menjadi nuansa indah dalam mencorakkan pengalaman saya sebagai pemimpin. Saya belajar dan amati serta saya **ubah** corak kepimpinan saya agar ia selari dengan peredaran masa dan perangai anak-anak didik dan staf yang pelbagai. Ingatlah **perubahan adalah aktor utama di pentas sejarah**. Justeru, sekiranya kita perlu melangkah, pesan saya langkahlah

tetapi cermatlah dalam setiap langkah anda. Biar tertibnya kena dengan budaya bangsa kita.

SLIDES 23

Bagi membawa UiTM Johor terus ke mercu saya perlukan **'kita'**. Kerjasama dan kebersamaan antara **kita** mampu menggerakkan UiTM Johor berada pada landasan yang tepat. Menongkah arus berseorangan agak susah, jika salah tekniknya hanyut saya dibawa arus nanti. Tetapi jika kita bersama-sama menongkah arus, jika saya salah anda tegur atau sebaliknya, saya percaya seganas mana gelombang arus itu, dengan izinNya dapat jua kita sampai ke tebing kejayaan.

Dalam lagu Wawasan Setia UiTM, cuba amati terdapat hanya **satu aku** di situ, **tiga kami** dan **enam kita**. Semua ini simbolik kepada sikap bekerjasama, berpasukan, berderap bersama menuju kejayaan.

SLIDES 24

Petikan ucapan YB Menteri KPT boleh kita jadikan pedoman. Kata beliau; **"kerja berpasukan dalam suatu ekosistem penyampaian perkhidmatan menuntut kebersamaan dan kesatuan pemikiran, kesatuan hati dan kesatuan tindakan"**.

SLIDES 25

Justeru, untuk bergerak seiring dan senada dalam penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh, perancangan yang rapi perlu dilaksanakan. Saya cadangkan setiap warga mempelajari *Time Management Matrix*. Kaedah ini meletakkan 4 kuadran utama sebagai alatan untuk membuat keputusan dalam meningkatkan produktiviti

sesebuah organisasi. Apabila kepentingan tugas diletakkan di tempat yang betul, bebanan tugas dapat kita kurangkan dan masa akan digunakan pada kerja yang sepatutnya.

SLIDES 26

Alhamdulillah, pencapaian petunjuk prestasi bagi UiTM Johor pada tahun 2023 adalah sebanyak 83.4%. Jatuh sedikit sahaja dari tahun lepas iaitu 87%. Syabas dan tahniah buat semua warga yang telah bekerja keras bagi memastikan pencapaian KPI kita pada tahun lepas. Sila beri tepukan buat diri sendiri dan juga UiTM Johor amnya. Tahun ini kita harus bangkit, berjuang untuk mencapai kegemilangan insyaAllah.

SLIDES 27

Hadirin sekalian,

UiTM Johor cukup terkenal dengan warganya yang mesra, saling tolong-menolong, sentiasa bertoleransi dengan situasi. Saya percaya kerana pembinaan asas dan strukturnya sebegitu kampus kita senantiasa disenangi oleh tetamu-tetamu kita. Mesra dan berdayahuni, membangun tetapi tetap mampan dalam mencapai sasaran persekitaran komuniti yang inklusif dengan semangat perpaduan. Justeru pada tahun ini ingin saya umumkan kampus kita akan dikenali dengan '**Liveable Campus**'.

UiTM Cawangan Johor, Kampus Berdayahuni.

-ada video liveable campus-

SLIDES 28,29 DAN 30

Di layar saya tunjukkan beberapa kejayaan warga, pelajar dan juga staf, sama ada dalam bidang akademik dan bukan akademik yang terbaru.

Slide 28

Slide 29

Slide 30

Selepas sesi amanat ini, satu tayangan video aktiviti dan kejayaan kampus akan kita persembahkan buat semua warga. Syabas dan tahniah buat semua penerima anugerah, geran, sijil penghargaan dan semua bentuk kejayaan. Anda semua adalah contoh kemenjadian warga UiTM Johor. Terus cemerlang menggapai kejayaan.

SLIDE 31-36

Seterusnya, saya lampirkan juga beberapa perubahan baru yang berlaku di sekeliling kita.

Slides 31

Slides 32

Slides 33

Slides 34

Slides 35

Slides 36

Terima kasih kepada semua bahagian dan unit yang telah berusaha memastikan pembangunan kampus kita mengikut jadual yang ditetapkan. Usaha pembangunan fizikal yang dilaksanakan dengan kaedah *do more with less* telah kita laksanakan sejak beberapa tahun lepas lagi selari dengan Pekeliling Naib Canselor Bil 14 tahun 2022. Kesemua usaha ini akan membentuk prasarana kampus yang lebih baik dengan mengoptimumkan semua sumber yang ada.

SLIDE 37

Hadirin sekalian,

'*Teamwork makes the dream work*'. Asas pembentukan gerak kerja berpasukan perlu didasari dengan **collaboration, coordination** dan **cooperation**. Saya beranggapan kejayaan yang luar biasa, mampu dicapai jika semua warga bersedia untuk **berkolaborasi**, mampu **mengkoordinasi** kerja kena dengan tempatnya dan **bekerjasama** dalam semua situasi.

SLIDES 38&39

Rector's Special Project (RSP) bukanlah sesuatu yang baru buat semua warga UiTM Johor, selaras dengan hasrat UiTM ke arah **UiTM Globally Respected 2024**. Saya ingin ucapkan jutaan tahniah dan syabas kepada beberapa RSP yang telah mencapai *100% completed project*. Bagi yang masih meneruskan perjuangan, teruskan melangkah, mari bersama-sama saya, membangunkan UiTM Johor. Inisiatif ini adalah seiring dengan pembangunan kampus dan masih berlangsung sehingga 2024.

SLIDE 40

Libatsama menyeluruh atau **inclusive approach** ke arah kecemerlangan **GRU 2025** melalui usaha ketampakkan kepakaran, istilah **Referred-relevant-respected** bukan lagi asing. Kompetensi akademik dan staf bukan akademik haruslah seiring, saling melengkapi bagi menyiapkan semua warga untuk menjadi **Champion** di mata dunia.

Sekali lagi saya ulangi, nilai kompetensi meliputi lima perkara utama iaitu;

1. Berilmu
2. Bertanggungjawab
3. Rajin
4. Berdisiplin
5. Beramanah

Saya mohon semua warga, menerapkan semua nilai-nilai yang saya sebutkan tadi agar perkembangan kampus berlaku secara holistik. Tidak hanya fizikal kampus sahaja membangun tetapi ahlinya juga penuh dengan ilmu di dada, dilatari dengan sikap dan nilai yang berkualiti. InsyaAllah modal insan yang kita bakal lahirkan kelak bakal menjadi rebutan industri.

Usaha ini bukanlah mudah tetapi tidak mustahil untuk dilaksanakan. Sejar dengan hasrat ini, dengan ini **saya amanatkan kepada warga kampus UiTM Cawangan Johor** untuk inisiatif di mana;

- Bagi warga akademik, inisiatif bagi meningkatkan kompetensi adalah seperti berikut:
 - **SATU PENSYARAH – SATU PENYELIDIKAN, SATU PENERBITAN DAN SATU PENGLIBATAN KOMUNITI**
- Setiap jabatan atau fakulti disaran melaksanakan langkah penjimatan selaras dengan cabaran bajet untuk tahun 2024. Kenalpasti keperluan setiap pembelian mahupun pembinaan prasarana bahagian/jabatan/fakulti supaya setiap permasalahan yang timbul mampu diatasi dengan cermat. *Every problem is an*

opportunity to invent new possibility. Atas dasar kepercayaan, dengan kerja keras dan kreativiti anda saya amanatkan;

- **SATU FAKULTI/JABATAN SATU PENJANAAN PENDAPATAN SETAHUN**

- Semua aspek perlu di ambilkira dalam menuju **GRU2025**. Setiap perancangan perlu bersifat inklusif. Tidak kiralah siapa anda, anda bertanggungjawab untuk membawa UiTM Johor ke mercu kejayaan. Bagi staf sokongan peningkatan kompetensi adalah seperti berikut;

- **SATU STAF SOKONGAN SATU PENGLIBATAN PERSATUAN/KOMUNITI**

SLIDES 41

Manakala, satu tambahan amanat saya laksanakan pada tahun ini. Saya kira ia bukanlah sesuatu yang baru, cuma saya dapati usaha ke arah ini makin terkebelakang. Saya mahu akademia kita sentiasa terbuka, bersedia memberi pendapat, aktif menyelusuri setiap isu-isu terkini negara dengan buah fikiran yang bernas, tuntas dan menjadi penyumbang idea yang terbilang. Ingatlah pena anda setajam pisau, mampu merobek sebuah keutuhan. Mengambilkira semua kepakaran yang kita miliki, saya amanatkan anda semua dengan inisiatif berikut;

- **SATU PENSYARAH SATU PENULISAN ARTIKEL AKHBAR.**

SLIDES 42

Hadirin sekalian,

Antara penyumbang utama kepada usaha UiTM menuju **UiTM Globally Respected 2024 dan GRU 2025**, adalah penyelidikan, penulisan dan

penerbitan. Suka saya ingatkan kembali, walaupun telah dibentangkan oleh Timbalan Rektor BPJI, Dr Faridah Najuna Misman, **PI 139 (Number of indexed proceedings (SCOPUS/WoS) and indexed journal publications (SCOPUS/WoS/ERA)** perlu di beri penekanan. Justeru, ambillah peluang masa yang senggang ini sementara menunggu semester yang baru untuk mula menulis. InsyaAllah jika kesungguhan yang kita tunjukkan, kejayaan pasti menjadi milik kita

SLIDES 43 (AKHIR)

Sebelum mengakhiri perutusan ini, saya menyeru semua warga UiTM Cawangan Johor untuk menitikberatkan kod dan etika penjawat awam seperti kehadiran bertugas, ketepatan masa, tadbir urus yang efisien dan budaya integriti yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan buat semua pemegang taruh kita.

Jika ada perselisihan rungaikanlah, jika ada percanggahan pendapat, duduk semeja bawa berbincang, jika ada yang terasa maafkanlah, jika ada yang sakit, sama-sama kita doa moga cepat sembuh dan jika saya salah atau tersilap langkah tegurlah saya. Semuanya kerana niat kita bekerja kerana Allah swt. Letaklah ihsan pada tempat yang betul. Saya mahu warga UiTM Johor cemerlang dan menjadi penjawat awam contoh di Malaysia.

Akhir kata sekali lagi, **selamat menyambut tahun baru 2024** kepada semua warga UiTM Cawangan Johor. Tahun ini insyaAllah kita akan bersungguh-sungguh mengejar kejayaan, memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara tercinta. Doakan saudara kita di Palestin. Jaga diri, jaga emosi, jaga kesihatan, dan jangan lupa bersukan. Sekali lagi jutaan terima kasih untuk semua

urusetia yang terlibat pada majlis amanat ini. Saya tinggalkan anda dengan satu ungkapan; **'jika kamu inginkan pelangi, kamu harus menerima hujan terlebih dahulu'**

#UiTM dihatiku

Sekian, Wassalam.

Wabillahitaufig, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Prof Madya Dr Saunah Zainon,
Rektor,
UiTM Cawangan Johor
22 Februari 2024.